

Ujian makmal dedah ada vape mengandungi ganja semula jadi dan ganja sintetik

Vape perisa ganja disahkan

KOSMO
17/11/2015
mls 2

KUALA LUMPUR – Terdapat cecair perisa vape yang kini menjadi kegiatan ramai anak muda disahkan mengandungi dadah jenis ganja selepas sampel cecair rokok elektronik berkenaan diuji di makmal Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri), Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Sampel perisa vape mengandungi ganja itu diperoleh wartawan *Kosmo!* daripada seorang pembekal di Shah Alam, Selangor setelah seminggu mereka menyamar sebagai pembeli rokok elektronik tersebut.

Sebelum ini, ada pihak sekadar mendakwa terdapat perisa vape dicampur ganja tetapi tidak mengemukakan bukti saintifik.

Pengarah Eseri, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, analisis makmal menggunakan kaedah kromatografi gas spektrometri jisim (kromatografi) ke atas satu sampel perisa vape yang dibekalkan wartawan *Kosmo!* tersebut mendapati perisa berkenaan mengandungi dua jenis ganja semula jadi iaitu kanabidiol dan kanabinol serta satu ganja sintetik jenis dronabinol.

“Selepas mendapat sampel yang diberikan oleh *Kosmo!*, kami turut membeli empat sampel perisa vape lain yang diperoleh di sekitar Kelantan dan Terengganu bagi membuat perbandingan.

“Hasil ujian mendapati hanya sampel perisa vape *Kosmo!* mengandungi dadah jenis ganja, manakala empat sampel lagi be-



KAKITANGAN makmal Eseri melakukan ujian ke atas sampel cecair vape yang dibekalkan wartawan *Kosmo!*

bas dadah berkenaan,” ujarnya.


Tambahnya, perisa vape yang diuji selama 30 minit bagi setiap sampel itu turut mengandungi bahan kimia lain seperti propilena glikol, decanol, anetole, aromandendrene dan fenol.

Bagaimanapun, katanya, satu ujian lain perlu dilakukan bagi mengenal pasti peratusan kandungan bahan kimia termasuk ganja dalam perisa vape terbabit.

Menurut Hafizan, perisa vape ganja itu dipercayai diperoleh dari luar negara atau pasaran gelap memandangkan ia tidak dijual secara sah di negara ini.

“Dua jenis ganja semula jadi itu sudah tentu tidak dijual di Malaysia kerana negara ini mengharamkan ganja.

“Ganja sintetik dronabinol pula kebiasaannya digunakan sebagai ubat dalam rawatan kimoterapi untuk mencegah pesakit daripada muntah. Tapi saya tidak pasti



KROMATOGRAM daripada ujian makmal Eseri membuktikan terdapat unsur ganja semula jadi (kanabidiol dan kanabinol) dan ganja sintetik (dronabinol) dalam sampel cecair perisa vape.



LIMA botol cecair vape yang diuji di makmal Eseri di Unisza, Kuala Terengganu. Cecair vape dikenali sebagai *Tenang is Good* (kanan sekali) merupakan satu-satunya perisa positif ganja.

sama ada ia digunakan di Malaysia atau tidak,” ujarnya.

Tambah Hafizan, analisis makmal itu turut mendapat kerjasama daripada penyelidik Kulliyah Sains Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang diketuai Prof. Dr. Kamaruzzaman Yusof.

Sementara itu, penjual vape perisa ganja yang ditemui *Kosmo!* di Shah Alam memberitahu, dia hanya menjual bahan terlarang tersebut kepada pelanggan tetap, kenalan serta komuniti vape bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Jelasnya lagi, perisa ganja yang lebih dikenali dengan jena-

ma *Tenang is Good* dalam kalangan penggemarnya itu dijual pada harga sekitar RM40 sebotol bersaiz 10 mililiter.

“Perisa ini sudah lama ada sebab ia mudah dihasilkan tetapi cuma kecoh sejak akhir-akhir ini,” katanya kepada wartawan *Kosmo!* yang menyamar menjadi pembeli vape baru-baru ini.

Dalam pada itu, sumber *Kosmo!* memberitahu, vape perisa ganja tersebut mula mendapat permintaan apabila terdapat peniaga perisa tersebut menjualnya secara terbuka pada satu festival vape iaitu Vapegasm 1.0 di The Strand Mall dekat sini hu-

INFO

Vape Perisa Ganja

- Dijual pada harga RM40 sebotol bersaiz 10 mililiter
- Terdapat 3 jenis campuran dadah jenis ganja iaitu kanabidiol, kanabinol dan dronabinol
- Dronabinol merupakan dadah sintetik yang biasa digunakan ketika rawatan kimoterapi pesakit kanser
- Hanya dijual kepada pelanggan tetap, kenalan dan komuniti vape
- Lebih dikenali dengan nama *Tenang is Good*

“Hasil daripada ujian yang dilakukan itu mendapati hanya sampel perisa vape yang diberikan *Kosmo!* mengandungi dadah jenis ganja, manakala lima sampel lagi negatif ganja

PROF. MADYA DR. HAFIZAN JUAHIR

jung bulan lalu. “Vape ganja ini sebenarnya sudah popular sejak awal tahun lagi terutama di Lembah Klang serta negeri utara seperti Perlis dan Kedah.

“Modus operandinya ialah jual secara COD (*cash on delivery* - bayar ketika ambil) dan dibekalkan kepada pelanggan tetap, kenalan serta komuniti vape. Orang baru memang susah hendak dapat,” ujarnya.